



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN



2022

SPM

LAPORAN ANALISIS  
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## LATAR BELAKANG

Peperiksaan SPM adalah peperiksaan awam yang utama dan ditadbir secara berpusat pada akhir pendidikan peringkat menengah bagi tujuan pensijilan. Sijil SPM merekodkan pencapaian akademik murid yang boleh digunakan untuk menyambung pengajian pada peringkat pendidikan tinggi dan menceburi bidang pekerjaan.

Pada umumnya, peperiksaan SPM bertujuan untuk mengukur sejauh mana pencapaian akademik murid dalam pembelajaran yang telah dilaluinya selama 11 tahun bagi mendapat pengiktirafan menerusi penganugerahan sijil. Mulai peperiksaan SPM tahun 2021, kesemua mata pelajaran yang diuji adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan pada tahun 2017.

Tahun ini juga merupakan tahun kedua format baharu peperiksaan SPM diperkenalkan bagi 75 daripada keseluruhan 95 mata pelajaran yang ditawarkan. Melalui format baharu ini, KPM turut melaporkan kemahiran lisan murid melalui Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.




Mata pelajaran Bahasa Inggeris juga dijajarkan kepada Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Penguasaan Bahasa Inggeris calon dilaporkan dalam 2 bentuk pelaporan, iaitu dalam gred SPM dan berdasarkan tahap CEFR.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut melaksanakan Ujian Amali Sains (UAS) sebagai salah satu daripada kertas peperiksaan mata pelajaran

Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan sebagai menggantikan Ujian Amali Bertulis.

Pelaksanaan semula UAS secara peperiksaan pusat ini merupakan satu usaha KPM untuk mengukur penguasaan kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif calon selaras



dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025). Pelaksanaan UAS secara peperiksaan pusat adalah juga sejajar dengan hasrat KPM bagi memperkasakan bidang STEM.

Semua perubahan ini mencerminkan usaha KPM untuk memastikan murid dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk mereka berjaya dalam persaingan memperoleh pendidikan yang lebih tinggi dan menempatkan diri dalam bidang kerjaya yang semakin mencabar ini.

## **PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN**

Pada tahun 2022, Malaysia telah memasuki fasa peralihan daripada pandemik ke endemik COVID-19 mulai 1 April 2022. Dengan perubahan tersebut, pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam khususnya SPM tahun 2022 telah kembali kepada prosedur operasi standard sedia ada yang telah digunakan sebelum pandemik. Namun begitu, KPM tetap memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPM tahun 2022 mengutamakan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan di samping memastikan pengurusan peperiksaan berjalan lancar dan tidak berlaku penularan wabak COVID-19 di pusat peperiksaan.

Calon yang tidak dapat hadir mana-mana kertas peperiksaan disebabkan positif COVID-19 atau terlibat dengan bencana banjir berpeluang menduduki kertas peperiksaan berkenaan sewaktu **penjadualan semula peperiksaan**.

Semua petugas peperiksaan telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dalam keadaan yang serba mencabar. KPM amat menghargai dan berterima kasih atas komitmen dan pengorbanan yang diberikan oleh petugas peperiksaan dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung.


Pelaksanaan sesi akademik 2022/2023 dalam fasa endemik ini telah memberikan ruang kepada calon untuk meningkatkan kesediaan bagi menghadapi peperiksaan dengan lebih baik. Berbekalkan kekuatan mental, fizikal, emosi dan semangat juang yang tinggi serta sokongan daripada pelbagai pihak, calon peperiksaan SPM tahun 2022 telah berjaya menduduki peperiksaan dengan sempurna.

## **MAKLUMAT AM**

### **Daftar Calon**

Sejumlah **403,637** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM tahun 2022 di **3,355** pusat peperiksaan. Jumlah calon ini menunjukkan penurunan sebanyak **0.85 peratus** (3,460 orang) berbanding SPM tahun 2021, iaitu seramai **407,097** orang calon. Daripada jumlah calon berdaftar tersebut, 388,832 orang adalah calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran. Jumlah calon baharu yang hadir menduduki peperiksaan pula adalah seramai 373,974. Perincian maklumat mengikut kategori calon yang mendaftar pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 ditunjukkan dalam

**Rajah 1** dan **Jadual 1**.



Rajah 1: Daftar Calon Mengikut Kategori Bagi Peperiksaan SPM Tahun 2022


Kategori Calon	2021		2022		Beza
	Bil.	%	Bil.	%	
Sekolah KPM	357,477	87.8%	352,962	87.4%	-0.4%
Sekolah Agensi Kerajaan	7,590	1.9%	8,183	2.0%	0.2%
Sek. Men. Agama Negeri	7,714	1.9%	7,784	1.9%	0.0%
Sek. Men. Agama Rakyat	2,321	0.6%	2,663	0.7%	0.1%
Sekolah Swasta	13,498	3.3%	12,775	3.2%	-0.2%
Persendirian	18,497	4.5%	19,270	4.8%	0.2%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>407,097</b>	<b>100.0%</b>	<b>403,637</b>	<b>100.0%</b>	<b>-</b>

Jadual 1: Pendaftaran Calon Peperiksaan SPM Tahun 2022 Berbanding

Tahun 2021

## Tarikh Peperiksaan

Peperiksaan SPM tahun 2022 telah berlangsung pada **30 Januari hingga 15 Mac 2023**, manakala **penjadualan semula peperiksaan** diadakan pada **16 hingga 22 Mac 2023**. Perincian maklumat tentang tarikh peperiksaan ditunjukkan dalam Rajah 2.




Rajah 2: Tarikh peperiksaan

## Petugas Peperiksaan dan Pemeriksa

Seramai 131,318 orang petugas peperiksaan telah dilantik untuk memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPM tahun 2022 berjalan lancar di semua pusat peperiksaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 35,651 orang petugas peperiksaan terlibat bagi mengendalikan Ujian Amali Sains, 42,881 orang petugas peperiksaan bagi Ujian Mendengar dan Peperiksaan Bertulis, dan 52,786 orang petugas bagi Ujian Bertutur.

Seramai 29,421 orang guru telah dilantik bagi memeriksa skrip jawapan peperiksaan. Pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan sistem LPSkor, kecuali bagi mata pelajaran

Pendidikan Seni Visual. Jumlah keseluruhan 95 mata pelajaran yang ditawarkan merangkumi 180 kertas peperiksaan.



## PENGITIRAFAN SPM PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

Selaras dengan usaha untuk memastikan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM mendapat pengiktirafan antarabangsa, KPM menggunakan khidmat pakar pentaksiran luar negara dan jaringan profesional antarabangsa.

Pakar-pakar pentaksiran luar negara yang terlibat dalam peperiksaan SPM tahun 2022 adalah dari Cambridge Assessment International Education (CAIE) dan Pearson, United Kingdom serta New Zealand Qualifications Authority (NZQA), New Zealand. Pakar pentaksiran luar negara ini telah memberikan khidmat konsultansi dalam pembinaan item dan penetapan kualiti sijil SPM tahun 2022.



## GRED PURATA NASIONAL


Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara ialah **Gred Purata Nasional (GPN)**. Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

Analisis peperiksaan SPM tahun 2022 dalam laporan ini adalah **berdasarkan calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran dan menduduki sekurang-kurangnya satu mata pelajaran**.

Pencapaian calon bagi tahun 2022 adalah lebih baik berbanding tahun 2021. GPN tahun 2022 adalah 4.74 berbanding 4.86 pada tahun 2021 iaitu perbezaan sebanyak 0.12.

**4.74**  
**GPN SPM 2022**


GPN tahun 2022 berbanding tahun 2021 ditunjukkan dalam **Rajah 3**.



**Rajah 3: GPN Tahun 2022 Berbanding Tahun 2021**

## GRED PURATA MENGIKUT LOKASI

Pencapaian SPM tahun 2022 bandar dan luar bandar telah menunjukkan peningkatan. Oleh hal demikian, jurang pencapaian calon SPM tahun 2022 antara bandar dan luar bandar telah semakin mengecil, iaitu sebanyak 0.03 mata berbanding SPM tahun 2021. **Rajah 4** menunjukkan pencapaian calon mengikut lokasi.



**Rajah 4: Gred Purata Mengikut Lokasi**


## PENSIJILAN SPM

 **91.6%**

Syarat pensijilan SPM mulai tahun 2013 menetapkan calon sekurang-kurangnya lulus **mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah**. Pada tahun 2022, peratus calon yang layak menerima sijil SPM telah menunjukkan peningkatan kepada **91.6%** berbanding 88.1% pada tahun 2021. Peningkatan ini adalah sebanyak **3.5%** dan merupakan **pencapaian terbaik** sejak 2013 berdasarkan syarat pensijilan SPM yang ditetapkan.

## PENCAPAIAN CALON PEPERIKSAAN SPM TAHUN 2022

Sebanyak **57.1%** (**213,624 orang calon**) daripada 373,974 orang calon baharu telah lulus sekurang-kurangnya semua mata pelajaran yang diduduki berbanding **55.3%** (**211,334 orang calon**) pada tahun 2021. Perincian pencapaian calon ditunjukkan pada **Rajah 5**.




**Rajah 5: Pencapaian Calon Tahun 2022 Berbanding Tahun 2021**

## GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP)

Prestasi mata pelajaran merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran ialah **Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)**. Nilai GPMP yang **lebih kecil** menunjukkan prestasi mata pelajaran yang **lebih baik**.

## Prestasi Mata Pelajaran

Berdasarkan KSSM, mata pelajaran di peringkat menengah atas dikategorikan kepada 8 kumpulan iaitu mata pelajaran Teras, mata pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan), mata pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi), mata pelajaran Elektif STEM (Mata Pelajaran Vokasional), mata pelajaran Elektif Bahasa, mata pelajaran Elektif Pengajian Islam, mata pelajaran Elektif Kemanusiaan Dan Sastera Ikhtisas, dan mata pelajaran Kesenian.



Keputusan peperiksaan SPM tahun 2022 berbanding SPM tahun 2021 menunjukkan sebanyak **69** mata pelajaran mencatatkan peningkatan prestasi, **24** mata pelajaran mencatatkan penurunan dan **2** mata pelajaran pelajaran telah menunjukkan prestasi tidak berubah atau kekal. Prestasi mata pelajaran mengikut kumpulan ditunjukkan dalam rajah-rajab di bawah.


Prestasi bagi mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Sejarah, Matematik dan Sains telah menunjukkan peningkatan. Mata pelajaran Sejarah telah menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak 0.23 mata, manakala mata pelajaran Pendidikan Moral pula telah menunjukkan penurunan sebanyak 0.07 mata.



Rajah 6: Prestasi Mata Pelajaran  
Teras

Sebanyak **52** daripada **70** mata pelajaran elektif pula telah menunjukkan peningkatan prestasi.

3 daripada 4 mata pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan) telah menunjukkan peningkatan.



**Rajah 7: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan)**

Mata pelajaran Fizik telah mencatatkan peningkatan prestasi yang tertinggi, iaitu sebanyak 0.08 mata. Mata pelajaran Matematik Tambahan pula menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 0.15 mata.

Bagi mata pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi), mata pelajaran Pertanian telah menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak 0.29 mata manakala mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menunjukkan penurunan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak 0.31 mata.



**Rajah 8: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi)**



**Rajah 9: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Mata Pelajaran Vokasional)**



**Rajah 11: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Pengajian Islam**

Seterusnya, daripada 22 mata pelajaran STEM (MPV), 17 mata pelajaran telah mencatatkan peningkatan prestasi manakala 5 mata pelajaran lagi mencatatkan penurunan.

4 daripada 6 mata pelajaran Elektif Bahasa pula telah mencatatkan peningkatan prestasi manakala 2 mata pelajaran mencatatkan penurunan.



**Rajah 10: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Bahasa**

Hampir keseluruhan mata pelajaran Elektif Pengajian Islam telah mencatatkan peningkatan prestasi kecuali 1 mata pelajaran. Mata pelajaran Turath Al-Quran dan Al-Sunnah mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 3.06 mata. Hifz Al-Quran pula menunjukkan penurunan prestasi sebanyak 0.14 mata.

9 daripada 12 mata pelajaran Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas turut menunjukkan peningkatan prestasi. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi, sebanyak 0.32 mata. Penurunan sebanyak 0.08 mata pula dicatatkan mata pelajaran Prinsip Perakaunan.



**Rajah 12: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas**



**Rajah 13: Prestasi Mata Pelajaran Kesenian**

Bagi mata pelajaran Kesenian, peningkatan tertinggi dicatatkan oleh mata pelajaran Reka Bentuk Kraf, iaitu sebanyak 0.86 mata. Mata pelajaran dengan penurunan prestasi tertinggi pula adalah Seni Halus 2D, iaitu sebanyak 0.61 mata. Prestasi 2 mata pelajaran lagi kekal atau tiada perubahan.

Analisis terperinci bagi semua mata pelajaran pada tahun 2022 ditunjukkan dalam **Lampiran A**.

## PENSIJILAN CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

---

Seramai **1,490** orang Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK), iaitu dalam kalangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) telah menduduki peperiksaan SPM tahun 2022. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak **75.8%** CBPK layak memperoleh sijil SPM tahun 2022 berbanding **69.1%** pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak **6.7%** atau **154** calon. Pensijilan CBPK berdasarkan kategori ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

Kategori CBPK

	Jumlah Menduduki		% Layak Sijil	
	2021	2022	2021	2022
Kurang Upaya Fizikal	310	359	78.7	86.9
Kurang Upaya Pelbagai	123	93	73.2	78.5
Kurang Upaya Pendengaran	159	185	61.0	62.7
Kurang Upaya Penglihatan (Buta)	26	34	92.3	88.2
Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)	231	201	86.6	87.6
Kurang Upaya Pertuturan	8	21	62.5	76.2
Masalah Pembelajaran	554	597	56.9	68.0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,411</b>	<b>1,490</b>	<b>69.1</b>	<b>75.8</b>

**Jadual 2: Pensijilan CBPK Mengikut Kategori**

## KEUPAYAAN CALON MENJAWAB SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)


---

Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM bermula tahun 2014. Soalan KBAT menguji keupayaan calon untuk **mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta** idea secara kreatif atau inovatif dalam proses menyelesaikan masalah secara sistematik dalam situasi baharu dan kehidupan sebenar. **Rajah 14** memaparkan kemahiran yang diukur dalam KBAT.



**Rajah 14: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi**

Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20% pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2021 seperti dipaparkan dalam **Rajah 15**. Mulai tahun 2021 dan seterusnya peratus item KBAT dalam kertas peperiksaan adalah 50%.



**Rajah 15: Peratus Soalan KBAT Dalam Kertas Peperiksaan**

## Kualiti Jawapan Calon dalam Soalan KBAT


Kualiti jawapan calon dikategorikan kepada Sangat Rendah, Rendah, Sederhana dan Tinggi mengikut kriteria bagi setiap kemahiran. Perincian kategori kualiti calon berdasarkan kemahiran berfikir ditunjukkan dalam **Jadual 3** di bawah.

Kualiti Jawapan	Kemahiran				
	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta	
Tinggi	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul, tepat, terperinci serta mendalam dalam semua konteks.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dan jelas berserta bukti yang tepat.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dengan tepat dan berasas.	Calon berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu, kreatif dan menarik dengan mengemukakan pelbagai kaedah dan strategi dalam penyelesaian masalah.	
Sederhana	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul dalam sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dalam sebahagian tugas berserta bukti yang tepat.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dalam sebahagian tugas dan konteks yang terbatas.	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul dalam sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu.	
Rendah	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dengan betul dalam konteks yang mudah.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dalam konteks yang terhad.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah.	Calon berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu dalam penyelesaian masalah.	
Sangat Rendah	Calon dapat skor 0 atau tidak memberi respons.	Calon dapat skor 0 atau tidak memberi respons.	Calon dapat skor 0 atau tidak memberi respons.	Calon dapat skor 0 atau tidak memberi respons.	

**Jadual 3: Kategori Jawapan Calon Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**


## Penguasaan KBAT

Penguasaan KBAT dilapor berdasarkan keupayaan calon menjawab item KBAT dalam kertas peperiksaan. Tahap penguasaan minimum KBAT merangkumi kualiti jawapan calon dari kategori tinggi, sederhana dan rendah. 80.6% calon mempunyai tahap penguasaan minimum dalam menjawab soalan yang mengandungi kemahiran KBAT. **Rajah 16** menunjukkan tahap penguasaan minimum mengikut kemahiran KBAT.




**Rajah 16: Tahap Penguasaan Minimum Mengikut Kemahiran dalam KBAT**

Tahap penguasaan **baik** dalam KBAT merujuk kepada kualiti jawapan dari kategori **sederhana** dan **tinggi**. **Rajah 17** menunjukkan peratusan **tahap penguasaan baik** mengikut kemahiran dalam KBAT. Secara keseluruhannya, 57.8% calon mempunyai tahap penguasaan baik dalam menjawab soalan KBAT.



**Rajah 17: Tahap Penguasaan Baik Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**

Analisis kualiti jawapan calon secara terperinci ditunjukkan dalam **Rajah 18**.



**Rajah 18: Peratusan Kualiti Jawapan Calon Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, calon SPM 2022 mempunyai keupayaan yang **baik** dalam kemahiran mencipta. Berbanding 4 kemahiran dalam KBAT, calon kurang menguasai kemahiran mengaplikasi.

Kemahiran berfikir haruslah sentiasa dipupuk dalam diri murid. Pengajaran dan pembelajaran seharusnya menggalakkan murid berfikir melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah, membuat keputusan, perbincangan, perbahasan dan lain-lain lagi. Selain itu, ibu bapa, komuniti setempat dan masyarakat perlu memainkan peranan dalam menyediakan ruang dan peluang untuk murid meningkatkan kemahiran berfikir. Penguasaan KBAT adalah penting kepada murid bagi memastikan mereka mampu untuk menghadapi cabaran dan bersaing di peringkat global.

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2022 DAN 2021

## ANALISIS MATA PELAJARAN DAN GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP) PERINGKAT NASIONAL

(Calon Baharu yang Mendaftar Sekurang-kurangnya Enam Mata Pelajaran)

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon				Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A- B+, B, C+, C	Kepujian B-, B, C, C-	Lulus DE	A+→E		
1103	Bahasa Melayu	2022	31.9	49.0	16.5	<b>97.4</b>	<b>2.6</b>	370,837 3.95
		2021	30.6	47.6	18.6	<b>96.8</b>	<b>3.2</b>	372,499 4.11
		<b>Beza</b>	<b>1.3</b>	<b>1.4</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.6</b>	<b>-0.6</b>	<b>-1662</b> <b>-0.16</b>
1119	Bahasa Inggeris	2022	24.8	33.0	27.9	<b>85.7</b>	<b>14.3</b>	368,351 5.13
		2021	22.3	35.4	28.4	<b>86.1</b>	<b>13.9</b>	369,018 5.23
		<b>Beza</b>	<b>2.5</b>	<b>-2.4</b>	<b>-0.5</b>	<b>-0.4</b>	<b>0.4</b>	<b>-667</b> <b>-0.10</b>
1223	Pendidikan Islam	2022	31.8	49.3	7.7	<b>88.8</b>	<b>11.2</b>	216,998 4.12
		2021	28.3	51.5	8.6	<b>88.4</b>	<b>11.6</b>	221,023 4.31
		<b>Beza</b>	<b>3.5</b>	<b>-2.2</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.4</b>	<b>-4025</b> <b>-0.19</b>
1225	Pendidikan Moral	2022	25.8	44.0	10.3	<b>80.1</b>	<b>19.9</b>	114,270 4.86
		2021	26.6	44.1	9.7	<b>80.4</b>	<b>19.6</b>	119,358 4.79
		<b>Beza</b>	<b>-0.8</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.6</b>	<b>-0.3</b>	<b>0.3</b>	<b>-5088</b> <b>0.07</b>
1249	Sejarah	2022	25.3	44.0	23.1	<b>92.4</b>	<b>7.6</b>	373,129 4.65
		2021	24.1	40.7	24.8	<b>89.6</b>	<b>10.4</b>	379,973 4.88
		<b>Beza</b>	<b>1.2</b>	<b>3.3</b>	<b>-1.7</b>	<b>2.8</b>	<b>-2.8</b>	<b>-6844</b> <b>-0.23</b>
1449	Matematik	2022	30.8	15.9	29.0	<b>75.7</b>	<b>24.3</b>	369,348 5.43
		2021	29.4	15.5	29.6	<b>74.5</b>	<b>25.5</b>	375,997 5.57
		<b>Beza</b>	<b>1.4</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.6</b>	<b>1.2</b>	<b>-1.2</b>	<b>-6649</b> <b>-0.14</b>
1511	Sains	2022	20.5	43.9	25.6	<b>90.0</b>	<b>10.0</b>	276,213 5.12
		2021	20.1	43.4	26.1	<b>89.6</b>	<b>10.4</b>	284,412 5.15
		<b>Beza</b>	<b>0.4</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.5</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.4</b>	<b>-8199</b> <b>-0.03</b>
2206	Kesusasteraan Inggeris	2022	41.0	35.9	19.8	<b>96.7</b>	<b>3.3</b>	415 3.68
		2021	41.8	32.5	20.7	<b>95.0</b>	<b>5.0</b>	643 3.86
		<b>Beza</b>	<b>-0.8</b>	<b>3.4</b>	<b>-0.9</b>	<b>1.7</b>	<b>-1.7</b>	<b>-228</b> <b>-0.18</b>
2216	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2022	25.5	43.0	23.2	<b>91.7</b>	<b>8.3</b>	11,925 4.72
		2021	21.2	44.3	25.5	<b>91.0</b>	<b>9.0</b>	13,103 5.04
		<b>Beza</b>	<b>4.3</b>	<b>-1.3</b>	<b>-2.3</b>	<b>0.7</b>	<b>-0.7</b>	<b>-1178</b> <b>-0.32</b>
2280	Geografi	2022	22.8	49.3	19.7	<b>91.8</b>	<b>8.2</b>	34,282 4.71
		2021	20.2	50.8	20.7	<b>91.7</b>	<b>8.3</b>	35,366 4.84
		<b>Beza</b>	<b>2.6</b>	<b>-1.5</b>	<b>-1.0</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-1084</b> <b>-0.13</b>
2361	Bahasa Arab	2022	33.0	39.5	18.4	<b>90.9</b>	<b>9.1</b>	28,151 4.27
		2021	26.1	44.4	20.2	<b>90.7</b>	<b>9.3</b>	27,015 4.61
		<b>Beza</b>	<b>6.9</b>	<b>-4.9</b>	<b>-1.8</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>1136</b> <b>-0.34</b>
2611	Pendidikan Seni Visual	2022	14.9	77.2	7.5	<b>99.6</b>	<b>0.4</b>	109,672 4.17
		2021	12.5	76.9	10.1	<b>99.5</b>	<b>0.5</b>	115,375 4.44
		<b>Beza</b>	<b>2.4</b>	<b>0.3</b>	<b>-2.6</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-5703</b> <b>-0.27</b>
2621	Pendidikan Muzik	2022	51.7	38.5	9.6	<b>99.8</b>	<b>0.2</b>	416 2.90
		2021	50.4	36.8	11.7	<b>98.9</b>	<b>1.1</b>	454 3.01
		<b>Beza</b>	<b>1.3</b>	<b>1.7</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>-38</b> <b>-0.11</b>
2711	Lukisan	2022	98.7	1.3	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	75 0.19
		2021	94.7	5.3	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	76 0.43
		<b>Beza</b>	<b>4.0</b>	<b>-4.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-1</b> <b>-0.24</b>
2712	Sejarah dan Pengurusan Seni	2022	98.7	1.3	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	75 0.41
		2021	85.5	14.5	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	76 0.71
		<b>Beza</b>	<b>13.2</b>	<b>-13.2</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-1</b> <b>-0.30</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon				Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E		
2713	Seni Halus 2D	2022	85.7	14.3	0.0	100.0	0.0	28 0.61
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	27 0.00
		Beza	-14.3	14.3	0.0	0.0	0.0	1 0.61
2714	Seni Halus 3D	2022	92.9	7.1	0.0	100.0	0.0	28 0.57
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	27 0.07
		Beza	-7.1	7.1	0.0	0.0	0.0	1 0.50
2715	Reka bentuk Grafik	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	30 0.53
		2021	95.2	4.8	0.0	100.0	0.0	21 0.57
		Beza	4.8	-4.8	0.0	0.0	0.0	9 -0.04
2716	Multimedia Kreatif	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	30 0.57
		2021	81.0	19.0	0.0	100.0	0.0	21 1.10
		Beza	19.0	-19.0	0.0	0.0	0.0	9 -0.53
2717	Reka Bentuk Kraf	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	17 0.35
		2021	67.9	32.1	0.0	100.0	0.0	28 1.21
		Beza	32.1	-32.1	0.0	0.0	0.0	-11 -0.86
2718	Reka Bentuk Industri	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	17 0.29
		2021	71.4	28.6	0.0	100.0	0.0	28 1.14
		Beza	28.6	-28.6	0.0	0.0	0.0	-11 -0.85
2721	Produksi Seni Persembahan	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	150 0.07
		2021	99.5	0.0	0.0	99.5	0.5	194 0.10
		Beza	0.5	0.0	0.0	0.5	-0.5	-44 -0.03
2722	Alat Muzik Utama	2022	83.3	16.7	0.0	100.0	0.0	66 0.85
		2021	87.3	12.7	0.0	100.0	0.0	79 0.72
		Beza	-4.0	4.0	0.0	0.0	0.0	-13 0.13
2723	Muzik Komputer	2022	77.3	22.7	0.0	100.0	0.0	66 0.85
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	79 0.27
		Beza	-22.7	22.7	0.0	0.0	0.0	-13 0.58
2724	Aural dan Teori	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	66 0.21
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	79 0.24
		Beza	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	-13 -0.03
2731	Tarian	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44 0.00
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	59 0.00
		Beza	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	-15 0.00
2732	Koreografi Tari	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44 0.00
		2021	98.3	1.7	0.0	100.0	0.0	59 0.08
		Beza	1.7	-1.7	0.0	0.0	0.0	-15 -0.08
2733	Apresiasi Tari	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44 0.00
		2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	59 0.00
		Beza	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	-15 0.00
2741	Lakonan	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40 0.03
		2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56 0.20
		Beza	1.8	0.0	0.0	1.8	-1.8	-16 -0.17
2742	Penulisan Skrip	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40 0.33
		2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56 0.16
		Beza	1.8	0.0	0.0	1.8	-1.8	-16 0.17
2743	Sinografi	2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40 0.08
		2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56 0.27
		Beza	1.8	0.0	0.0	1.8	-1.8	-16 -0.19

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon				Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E		
3472	Matematik Tambahan	2022	15.2	34.8	23.8	<b>73.8</b>	<b>26.2</b>	113,709 5.99
		2021	17.6	33.9	22.2	<b>73.7</b>	<b>26.3</b>	116,576 5.84
		<b>Beza</b>	<b>-2.4</b>	<b>0.9</b>	<b>1.6</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-2867 0.15</b>
3729	Pertanian	2022	31.1	57.5	10.7	<b>99.3</b>	<b>0.7</b>	8,511 3.72
		2021	25.0	61.9	12.3	<b>99.2</b>	<b>0.8</b>	8,436 4.01
		<b>Beza</b>	<b>6.1</b>	<b>-4.4</b>	<b>-1.6</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>75 -0.29</b>
3754	Pengajian Keusahawanan	2022	29.6	57.5	12.0	<b>99.1</b>	<b>0.9</b>	459 3.87
		2021	22.9	67.1	9.3	<b>99.3</b>	<b>0.7</b>	441 4.12
		<b>Beza</b>	<b>6.7</b>	<b>-9.6</b>	<b>2.7</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>18 -0.25</b>
3756	Prinsip Perakaunan	2022	32.3	32.2	27.7	<b>92.2</b>	<b>7.8</b>	55,713 4.59
		2021	33.1	33.9	24.3	<b>91.3</b>	<b>8.7</b>	58,195 4.51
		<b>Beza</b>	<b>-0.8</b>	<b>-1.7</b>	<b>3.4</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>-2482 0.08</b>
3759	Lukisan Kejuruteraan	2022	22.3	58.1	15.7	<b>96.1</b>	<b>3.9</b>	1,955 4.49
		2021	22.6	60.1	13.1	<b>95.8</b>	<b>4.2</b>	2,057 4.37
		<b>Beza</b>	<b>-0.3</b>	<b>-2.0</b>	<b>2.6</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>-102 0.12</b>
3760	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal	2022	21.1	56.4	20.8	<b>98.3</b>	<b>1.7</b>	636 4.48
		2021	18.4	58.4	21.0	<b>97.8</b>	<b>2.2</b>	706 4.72
		<b>Beza</b>	<b>2.7</b>	<b>-2.0</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.5</b>	<b>-70 -0.24</b>
3761	Pengajian Kejuruteraan Awam	2022	19.9	60.7	19.2	<b>99.8</b>	<b>0.2</b>	698 4.57
		2021	21.1	60.6	18.2	<b>99.9</b>	<b>0.1</b>	714 4.37
		<b>Beza</b>	<b>-1.2</b>	<b>0.1</b>	<b>1.0</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>-16 0.20</b>
3762	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	2022	27.0	53.3	19.1	<b>99.4</b>	<b>0.6</b>	627 4.12
		2021	29.5	57.0	13.5	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	637 3.81
		<b>Beza</b>	<b>-2.5</b>	<b>-3.7</b>	<b>5.6</b>	<b>-0.6</b>	<b>0.6</b>	<b>-10 0.31</b>
3763	Reka Cipta	2022	28.2	59.7	12.1	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	6,246 3.80
		2021	25.5	62.3	11.9	<b>99.7</b>	<b>0.3</b>	6,167 3.90
		<b>Beza</b>	<b>2.7</b>	<b>-2.6</b>	<b>0.2</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>79 -0.10</b>
3766	Perniagaan	2022	18.7	31.3	42.6	<b>92.6</b>	<b>7.4</b>	82,751 5.49
		2021	16.2	30.2	46.7	<b>93.1</b>	<b>6.9</b>	85,067 5.70
		<b>Beza</b>	<b>2.5</b>	<b>1.1</b>	<b>-4.1</b>	<b>-0.5</b>	<b>0.5</b>	<b>-2316 -0.21</b>
3767	Ekonomi	2022	16.2	32.0	38.9	<b>87.1</b>	<b>12.9</b>	45,805 5.76
		2021	15.7	32.9	39.7	<b>88.3</b>	<b>11.7</b>	47,688 5.77
		<b>Beza</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.9</b>	<b>-0.8</b>	<b>-1.2</b>	<b>1.2</b>	<b>-1883 -0.01</b>
3768	Asas Kelestarian	2022	34.1	63.3	2.6	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	922 3.34
		2021	36.0	59.9	4.1	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	942 3.37
		<b>Beza</b>	<b>-1.9</b>	<b>3.4</b>	<b>-1.5</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-20 -0.03</b>
3769	Sains Rumah Tangga	2022	13.5	51.4	34.3	<b>99.2</b>	<b>0.8</b>	14,280 5.16
		2021	15.1	53.1	30.9	<b>99.1</b>	<b>0.9</b>	14,484 5.04
		<b>Beza</b>	<b>-1.6</b>	<b>-1.7</b>	<b>3.4</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-204 0.12</b>
3770	Sains Komputer	2022	24.1	61.2	14.5	<b>99.8</b>	<b>0.2</b>	13,503 4.09
		2021	23.3	62.0	14.3	<b>99.6</b>	<b>0.4</b>	13,642 4.21
		<b>Beza</b>	<b>0.8</b>	<b>-0.8</b>	<b>0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>-139 -0.12</b>
3771	Grafik Komunikasi Teknikal	2022	24.5	61.6	13.7	<b>99.8</b>	<b>0.2</b>	5,098 4.10
		2021	24.3	61.6	13.7	<b>99.6</b>	<b>0.4</b>	5,386 4.04
		<b>Beza</b>	<b>0.2</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>-288 0.06</b>
4531	Fizik	2022	24.1	54.0	20.9	<b>99.0</b>	<b>1.0</b>	92,084 4.37
		2021	23.6	53.9	21.7	<b>99.2</b>	<b>0.8</b>	90,583 4.40
		<b>Beza</b>	<b>0.5</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.8</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>1501 -0.03</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon				Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E		
4541	Kimia	2022	21.1	40.3	35.2	<b>96.6</b>	<b>3.4</b>	92,998 5.00
		2021	20.5	40.0	35.9	<b>96.4</b>	<b>3.6</b>	91,793 5.08
		<b>Beza</b>	<b>0.6</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>1205</b> <b>-0.08</b>
4551	Biologi	2022	24.4	50.6	23.9	<b>98.9</b>	<b>1.1</b>	73,216 4.51
		2021	22.4	53.5	22.4	<b>98.3</b>	<b>1.7</b>	71,319 4.55
		<b>Beza</b>	<b>2.0</b>	<b>-2.9</b>	<b>1.5</b>	<b>0.6</b>	<b>-0.6</b>	<b>1897</b> <b>-0.04</b>
4561	Sains Tambahan	2022	8.5	53.5	35.2	<b>97.2</b>	<b>2.8</b>	1,621 5.47
		2021	8.5	48.9	39.9	<b>97.3</b>	<b>2.7</b>	1,009 5.66
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>4.6</b>	<b>-4.7</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>612</b> <b>-0.19</b>
4572	Sains Sukan	2022	23.3	43.4	32.7	<b>99.4</b>	<b>0.6</b>	10,813 4.67
		2021	19.3	55.7	24.9	<b>99.9</b>	<b>0.1</b>	10,042 4.59
		<b>Beza</b>	<b>4.0</b>	<b>-12.3</b>	<b>7.8</b>	<b>-0.5</b>	<b>0.5</b>	<b>771</b> <b>0.08</b>
5226	Tasawwur Islam	2022	26.1	53.2	11.1	<b>90.4</b>	<b>9.6</b>	35,785 4.40
		2021	25.4	52.4	11.6	<b>89.4</b>	<b>10.6</b>	38,077 4.49
		<b>Beza</b>	<b>0.7</b>	<b>0.8</b>	<b>-0.5</b>	<b>1.0</b>	<b>-1.0</b>	<b>-2292</b> <b>-0.09</b>
5227	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah	2022	46.9	41.5	6.1	<b>94.5</b>	<b>5.5</b>	25,291 3.14
		2021	43.9	41.6	7.9	<b>93.4</b>	<b>6.6</b>	24,301 3.39
		<b>Beza</b>	<b>3.0</b>	<b>-0.1</b>	<b>-1.8</b>	<b>1.1</b>	<b>-1.1</b>	<b>990</b> <b>-0.25</b>
5228	Pendidikan Syari'ah Islamiah	2022	28.4	57.8	8.7	<b>94.9</b>	<b>5.1</b>	25,025 3.94
		2021	26.4	56.3	9.8	<b>92.5</b>	<b>7.5</b>	23,937 4.23
		<b>Beza</b>	<b>2.0</b>	<b>1.5</b>	<b>-1.1</b>	<b>2.4</b>	<b>-2.4</b>	<b>1088</b> <b>-0.29</b>
5301	Hifz Al Quran	2022	72.7	25.4	1.8	<b>99.9</b>	<b>0.1</b>	3,004 1.85
		2021	75.2	24.3	0.5	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	2,949 1.71
		<b>Beza</b>	<b>-2.5</b>	<b>1.1</b>	<b>1.3</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>55</b> <b>0.14</b>
5302	Maharat Al-Quran	2022	39.8	59.1	1.1	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	2,962 2.84
		2021	32.5	67.4	0.1	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	2,892 2.98
		<b>Beza</b>	<b>7.3</b>	<b>-8.3</b>	<b>1.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>70</b> <b>-0.14</b>
5303	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah	2022	92.9	7.1	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	42 0.43
		2021	28.1	71.9	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	57 3.49
		<b>Beza</b>	<b>64.8</b>	<b>-64.8</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-15</b> <b>-3.06</b>
5304	Turath Dirasat Islamiah	2022	88.1	11.9	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	42 0.71
		2021	84.2	14.0	1.8	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	57 1.26
		<b>Beza</b>	<b>3.9</b>	<b>-2.1</b>	<b>-1.8</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-15</b> <b>-0.55</b>
5305	Turath Bahasa Arab	2022	78.6	21.4	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	42 1.57
		2021	73.7	26.3	0.0	<b>100.0</b>	<b>0.0</b>	57 1.70
		<b>Beza</b>	<b>4.9</b>	<b>-4.9</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-15</b> <b>-0.13</b>
5401	Usul Al-Din	2022	37.0	45.1	10.8	<b>92.9</b>	<b>7.1</b>	12,286 3.77
		2021	30.8	48.9	12.0	<b>91.7</b>	<b>8.3</b>	11,196 4.17
		<b>Beza</b>	<b>6.2</b>	<b>-3.8</b>	<b>-1.2</b>	<b>1.2</b>	<b>-1.2</b>	<b>1090</b> <b>-0.40</b>
5402	Al-Syariah	2022	33.5	43.5	15.3	<b>92.3</b>	<b>7.7</b>	12,285 4.10
		2021	22.7	50.2	17.6	<b>90.5</b>	<b>9.5</b>	11,202 4.73
		<b>Beza</b>	<b>10.8</b>	<b>-6.7</b>	<b>-2.3</b>	<b>1.8</b>	<b>-1.8</b>	<b>1083</b> <b>-0.63</b>
5403	Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah	2022	14.4	59.2	20.6	<b>94.2</b>	<b>5.8</b>	12,282 4.90
		2021	10.9	63.1	19.0	<b>93.0</b>	<b>7.0</b>	11,198 5.01
		<b>Beza</b>	<b>3.5</b>	<b>-3.9</b>	<b>1.6</b>	<b>1.2</b>	<b>-1.2</b>	<b>1084</b> <b>-0.11</b>
5404	Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah	2022	21.2	38.3	23.1	<b>82.6</b>	<b>17.4</b>	4,280 5.25
		2021	17.9	36.8	25.4	<b>80.1</b>	<b>19.9</b>	4,158 5.58
		<b>Beza</b>	<b>3.3</b>	<b>1.5</b>	<b>-2.3</b>	<b>2.5</b>	<b>-2.5</b>	<b>122</b> <b>-0.33</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
5405	Al-Adab Wa Al-Balaghah	2022	33.6	38.5	16.3	88.4	11.6	4,261	4.30
		2021	28.0	40.6	18.3	86.9	13.1	4,137	4.67
		Beza	5.6	-2.1	-2.0	1.5	-1.5	124	-0.37
6351	Bahasa Cina	2022	21.5	66.6	7.9	96.0	4.0	48,625	4.07
		2021	23.4	63.5	8.4	95.3	4.7	49,976	4.04
		Beza	-1.9	3.1	-0.5	0.7	-0.7	-1351	0.03
6354	Bahasa Tamil	2022	30.6	55.1	10.3	96.0	4.0	8,367	3.87
		2021	29.5	55.2	11.1	95.8	4.2	9,557	3.94
		Beza	1.1	-0.1	-0.8	0.2	-0.2	-1190	-0.07
6356	Bahasa Iban	2022	46.7	42.4	10.0	99.1	0.9	1,286	3.14
		2021	44.0	44.5	10.6	99.1	0.9	1,462	3.26
		Beza	2.7	-2.1	-0.6	0.0	0.0	-176	-0.12
6357	Bahasa Kadazandusun	2022	62.8	27.4	9.7	99.9	0.1	339	2.43
		2021	65.7	25.1	8.2	99.0	1.0	367	2.45
		Beza	-2.9	2.3	1.5	0.9	-0.9	-28	-0.02
6358	Bahasa Semai	2022	22.2	61.1	16.7	100.0	0.0	18	4.67
		2021	23.1	61.5	15.4	100.0	0.0	13	3.54
		Beza	-0.9	-0.4	1.3	0.0	0.0	5	1.13
7101	Pembinaan Domestik	2022	19.4	80.1	0.0	99.5	0.5	453	3.47
		2021	15.5	84.0	0.4	99.9	0.1	470	3.63
		Beza	3.9	-3.9	-0.4	-0.4	0.4	-17	-0.16
7103	Kerja Paip Domestik	2022	43.1	56.9	0.0	100.0	0.0	239	3.03
		2021	43.4	55.0	0.4	98.8	1.2	258	2.90
		Beza	-0.3	1.9	-0.4	1.2	-1.2	-19	0.13
7104	Pendawaian Domestik	2022	51.6	43.2	5.3	100.1	-0.1	95	2.87
		2021	22.5	57.8	19.6	99.9	0.1	102	4.13
		Beza	29.1	-14.6	-14.3	0.2	-0.2	-7	-1.26
7105	Kimpalan Arka dan Gas	2022	23.6	74.0	2.4	100.0	0.0	335	3.64
		2021	23.0	73.6	3.4	100.0	0.0	348	3.61
		Beza	0.6	0.4	-1.0	0.0	0.0	-13	0.03
7106	Menservis Automobil	2022	13.0	86.4	0.6	100.0	0.0	169	4.20
		2021	13.7	86.3	0.0	100.0	0.0	197	3.88
		Beza	-0.7	0.1	0.6	0.0	0.0	-28	0.32
7107	Menservis Motosikal	2022	22.4	73.8	3.3	99.5	0.5	210	3.80
		2021	14.9	84.2	0.9	100.0	0.0	228	3.96
		Beza	7.5	-10.4	2.4	-0.5	0.5	-18	-0.16
7108	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara	2022	25.5	74.5	0.0	100.0	0.0	145	3.34
		2021	8.4	91.6	0.0	100.0	0.0	178	4.03
		Beza	17.1	-17.1	0.0	0.0	0.0	-33	-0.69
7109	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	2022	20.0	79.2	0.7	99.9	0.1	804	3.62
		2021	32.9	64.6	2.2	99.7	0.3	806	3.33
		Beza	-12.9	14.6	-1.5	0.2	-0.2	-2	0.29
7110	Pembuatan Perabot	2022	84.3	15.4	0.4	100.1	-0.1	280	1.84
		2021	68.8	30.5	0.7	100.0	0.0	282	2.19
		Beza	15.5	-15.1	-0.3	0.1	-0.1	-2	-0.35
7201	Rekaan dan Jahitan Pakaian	2022	22.4	77.6	0.0	100.0	0.0	370	3.45
		2021	26.8	72.7	0.5	100.0	0.0	418	3.47
		Beza	-4.4	4.9	-0.5	0.0	0.0	-48	-0.02

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
7202	Katering dan Penyajian	2022	38.3	61.7	0.0	100.0	0.0	673	2.94
		2021	33.8	65.5	0.4	99.7	0.3	696	3.00
		Beza	4.5	-3.8	-0.4	0.3	-0.3	-23	-0.06
7203	Pemprosesan Makanan	2022	54.0	46.0	0.0	100.0	0.0	974	2.55
		2021	39.7	60.2	0.1	100.0	0.0	1,022	2.84
		Beza	14.3	-14.2	-0.1	0.0	0.0	-48	-0.29
7205	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	2022	28.7	71.3	0.0	100.0	0.0	171	3.07
		2021	24.6	75.4	0.0	100.0	0.0	175	3.30
		Beza	4.1	-4.1	0.0	0.0	0.0	-4	-0.23
7207	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut	2022	87.8	12.2	0.0	100.0	0.0	139	1.82
		2021	82.6	17.4	0.0	100.0	0.0	149	1.91
		Beza	5.2	-5.2	0.0	0.0	0.0	-10	-0.09
7208	Gerontologi Asas dan Geriatrik	2022	97.8	2.2	0.0	100.0	0.0	90	1.20
		2021	98.2	1.8	0.0	100.0	0.0	113	0.94
		Beza	-0.4	0.4	0.0	0.0	0.0	-23	0.26
7301	Landskap dan Nurseri	2022	28.0	71.0	1.0	100.0	0.0	1,834	3.39
		2021	18.8	79.7	1.5	100.0	0.0	1,896	3.71
		Beza	9.2	-8.7	-0.5	0.0	0.0	-62	-0.32
7302	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	2022	48.4	51.6	0.0	100.0	0.0	91	2.49
		2021	32.3	67.7	0.0	100.0	0.0	93	3.02
		Beza	16.1	-16.1	0.0	0.0	0.0	-2	-0.53
7303	Tanaman Makanan	2022	58.5	41.1	0.4	100.0	0.0	236	2.39
		2021	51.6	48.4	0.0	100.0	0.0	246	2.56
		Beza	6.9	-7.3	0.4	0.0	0.0	-10	-0.17
7403	Produksi Multimedia	2022	29.9	69.7	0.4	100.0	0.0	725	3.30
		2021	27.0	72.1	0.9	100.0	0.0	811	3.35
		Beza	2.9	-2.4	-0.5	0.0	0.0	-86	-0.05
7405	Produksi Reka Tanda	2022	75.9	24.1	0.0	100.0	0.0	1,662	2.01
		2021	72.7	27.3	0.1	100.1	-0.1	1,816	2.13
		Beza	3.2	-3.2	-0.1	-0.1	0.1	-154	-0.12
7406	Hiasan Dalaman	2022	91.0	9.0	0.0	100.0	0.0	267	1.66
		2021	77.7	22.3	0.0	100.0	0.0	291	1.93
		Beza	13.3	-13.3	0.0	0.0	0.0	-24	-0.27
7407	Reka Bentuk Grafik Digital	2022	82.0	18.0	0.0	100.0	0.0	985	1.85
		2021	80.5	19.4	0.1	100.0	0.0	1,104	1.91
		Beza	1.5	-1.4	-0.1	0.0	0.0	-119	-0.06
9216	Kesusasteraan Cina	2022	25.2	39.1	19.3	83.6	16.4	1,774	4.96
		2021	23.6	43.3	19.2	86.1	13.9	1,764	4.91
		Beza	1.6	-4.2	0.1	-2.5	2.5	10	0.05
9217	Kesusasteraan Tamil	2022	43.4	41.6	7.6	92.6	7.4	2,528	3.52
		2021	41.8	38.8	11.3	91.9	8.1	3,001	3.74
		Beza	1.6	2.8	-3.7	0.7	-0.7	-473	-0.22
9221	Bible Knowledge	2022	32.0	36.4	11.2	79.6	20.4	269	4.62
		2021	34.0	34.0	13.0	81.0	19.0	285	4.58
		Beza	-2.0	2.4	-1.8	-1.4	1.4	-16	0.04
9378	Bahasa Punjabi	2022	67.5	30.0	0.0	97.5	2.5	40	2.43
		2021	62.2	24.4	8.9	95.5	4.5	45	2.82
		Beza	5.3	5.6	-8.9	2.0	-2.0	-5	-0.39